

"Memanggil Yesus dalam Keperluan mendesak Kita!"

Minggu 1 - 100 Hari Doa

27 Mac - 2 April, 2020

"Keamanan di Tengah Pandemi"

Oleh Mark A. Finley

Angka-angka meroket. Satu pandemik, coronavirus atau COVID-19, sedang berjalan dengan kelajuan yang pantas di seluruh dunia. Tetapi ada wabak lain yang berlumba lebih pantas. Ia telah menjangkiti lebih ramai orang daripada mereka yang mengalami coronavirus. Sama dengan coronavirus, dan ia adalah serius, sesuatu yang berbahaya iaitu ketakutan. Ketakutan, kerisauan, dan kebimbangan memberi kesan terhadap sistem imun kita, mengekang kegembiraan kita, dan merampas harapan kita.

Bagaimanakah kita dapat dipelihara daripada kebimbangan dan kerisauan? Apa yang dapat membantu kita untuk mengatasi kelumpuhan dalam ketakutan? Atau mungkin lebih tepat untuk mengatakan siapa yang dapat membebaskan kita dari ketakutan kita? Yesus bercakap tentang masa ini di dalam Lukas 21 apabila Dia meramalkan: "Orang akan mati ketakutan karena kecemasan berhubung dengan segala apa yang menimpa bumi ini, sebab kuasa-kuasa langit akan goncang. Pada waktu itu orang akan melihat Anak Manusia datang dalam awan dengan segala kekuasaan dan kemuliaan-Nya. Apabila semuanya itu mulai terjadi, bangkitlah dan angkatlah mukamu, sebab penyelamatanmu sudah dekat." (Lukas 21: 26-28).

Sama ada kita dikonsumsi dengan ketakutan atau dipenuhi harapan semua bergantung di mana kita mencari. Jika anda melihat bencana alam; jika anda menerima berita buruk; jika wabak dan penyakit mendiami pemikiran anda; sekiranya itu fokus anda, hati anda akan diisi dengan ketakutan. Yesus berkata, "Lihatlah!" Mengapa? Ketika kita melihat ke tempat perlindungan Syurga, kita melihat Yesus dan menemukan kekuatan dalam janjiNya.

Di dalam Kristus kita mendapat keyakinan. Dalam Kristus kita mendapat kepastian. Di dalam Kristus kita ditinggikan di atas ketidakpastian dan kebimbangan kehidupan dan hati kita dipenuhi dengan keamanan di dalam Dia yang mengasihi kita dengan cinta abadi, tidak dapat diluputkan, tidak terduga, tidak terhapus dan tidak berkesudahan. Dalam Kristus kita diselamatkan dari ketakutan kita yang melumpuhkan. Ada waktunya kita mungkin mengalami ketakutan, tetapi kita tidak akan lumpuh dengan ketakutan kerana keyakinan kita terhadap Tuhan menang atas ketakutan kita.

Berikut adalah satu lagi pernyataan yang mendorong kita dari *Signs Of The Times, 9 Oktober 1901*. Ini adalah komen mengenai pernyataan Yesus dalam Lukas 21. "Hati manusia gagal kerana takut akan perkara-perkara yang akan datang di bumi. Tetapi orang-orang yang percaya kepada Allah akan mendengar suara-Nya di tengah-tengah ribut, berkata, "Aku ini, jangan takut."

Berikut adalah pernyataan indah tambahan dari buku *Evangelism*, hlm. 65: "Dalam akhir pelayanan kita yang hebat, kita akan bertemu dengan kebingungan yang kita tidak tahu bagaimana untuk menanganinya, tetapi janganlah kita lupa bahawa tiga kuasa besar surga sedang bekerja, bahawa tangan ilahi berada di roda, dan Tuhan akan membawa maksud-Nya untuk dinubuatkan. "

Alkitab mengatakan "janganlah takut" atau "jangan takut" berulang kali. Walaupun saya tidak mengira bilangan kali Alkitab menggunakan ungkapan ini, satu penulis telah menghitung 365 kali bahawa ungkapan seperti "jangan takut" digunakan sepanjang Alkitab - itu adalah satu untuk setiap hari dalam setahun. Tuhan mempunyai seluruh tahun kalendar. Dia mengajak kita untuk diam dalam kasih-Nya, mempercayai kasih karunia-Nya, dan bergembira dalam kuasa-Nya.

Dalam salah satu janji Alkitab yang paling meyakinkan, Yesaya menyatakan kepada kita, mengulangi kata-kata Tuhan kita: "Jangan takut kerana saya menyertai kamu." Mengapa kita tidak takut? Yesus menyertai kita biar apapun yang perlu kita lalui, Dia berada di pihak kita. " Jangan takut kerana Aku menyertaimu. Jangan khawatir takut kerana Aku adalah Allahmu. Aku akan menguatkanmu. Aku akan menolongmu. Ya, Aku akan menopangmu dengan tangan kanan kebenaran-Ku."(Yes 41:10). Iman kita bergantung kepada janji-janji Firman Tuhan. Cahaya kita bersinar dalam kegelapan dunia ini. Pandemi COVID-19 sekarang boleh menjadi pemangkin untuk membawa kita kepada hubungan yang lebih dalam dengan Tuhan, iman yang lebih besar, dan pengalaman doa yang lebih utuh. Dalam masa krisis iman kita ada di dalam Dia. Kepercayaan kita ada di dalam Dia. Dia adalah keselamatan kita, jaminan kita, kekuatan kita, dan harapan kita. Semoga pandemik semasa ini menjadi panggilan untuk pertobatan, kebangkitan semula, dan reformasi. Semoga ia menjadi masa kita untuk berpegang teguh pada janjinya bahawa esok yang lebih baik akan datang!

*Mark Finley adalah Timbalan President GC. Kami menggalakkan anda membaca buku pilihan minggu ini oleh Mark Finley yang bertajuk **Revive Us Again**.*

PERTANYAAN HATI: Di tengah-tengah dunia yang penuh dengan kekacauan, di manakah kita menilai keselamatan kita dan ke manakah kita meletakkan kepercayaan kita? Adakah dalam sains atau apa yang dikatakan para profesional perubatan? Adakah dalam pekerjaan keselamatan kita atau perhubungan kita, atau di dalam Yesus dan melalui janji-janji Firman-Nya? Sekiranya Yesus benar-benar menjadi dasar kepada iman kita, bagaimanakah kesergaan dan fokus doa harian kita berubah semasa krisis yang kita hadapi?

CABARAN TANTANGAN HATI: Sebelum Yesus kembali, kita mesti mencari kebergantungan dan harapan kita dalam Dia. Mari kita mulai berdoa hari ini bahawa Dia akan memberi kita kedamaianNya, menguatkan iman kita kepada Firman-Nya, dan mengisi kita dengan Roh Kudus agar kita dapat bekerja dengan berkesan untuk Dia, bahkan di tengah-tengah krisis ini. Mari kita mulakan janji-janji 2 Tawarikh. 7:14, Lukas 11:13, dan Zak. 10: 1 ketika kita berdoa setiap hari untuk pengisian Roh Kudus yang lebih dalam dan untuk penyembuhan untuk tempat kita.

"Musim kesengsaraan dan penderitaan di hadapan kita memerlukan kepercayaan yang dapat menanggung keletihan, kelewatan, dan kelaparan-kepercayaan yang tidak akan menjadi lemah sekalipun diuji dengan keras. Tempoh percubaan diberikan kepada semua untuk mempersiapkan masa itu. Yakub menang kerana dia tekun dan bertekad. Kemenangannya adalah bukti kekuatan dan ketekunan doa dan berpegang teguh dengan iman yang setia kepada janji Tuhan. " *Great Controversy*, ms. 621

Melangkah lebih dalam - Cadangan Bacaan Tambahan untuk minggu ini:

- ***Ellen White, "The Last Crisis," Testimonies, vol. 9, ms 11-18***
- ***Mark Finley, Revive Us Again***



Hari 1 – Tumpuan Doa – Jumaat, 27 Mac 2020

1. Doakan gereja Allah untuk berdiri kuat di tengah-tengah krisis kesihatan besar COVID-19 yang dihadapi dunia kita. Doakan bagi ramai profesional kesihatan, doktor, jururawat dan lain-lain yang sedang bekerja sepanjang masa untuk menyelamatkan nyawa.
2. Doakan bagi para anggota gereja kita terutama sekali di Itali, Perancis, Sepanyol dan Jerman di mana negara-negara ini merupakan kawasan yang paling teruk dilanda pandemik COVID-19 di Eropah.
3. Doakan bagi para anggota gereja dan pengerja penjagaan kesihatan di Kota New York yang mana salah satu kawasan yang paling teruk dilanda krisis ini di Amerika Syarikat.
4. Doakan agar wabak coronavirus akan berhenti merebak dan supaya Tuhan akan mendengar teriakan umatNya serta memulihkan tanah air kita.
5. Doakan agar di tengah-tengah kekacauan, umat Kristian sedunia akan menyedari hampirnya kedatangan Yesus yang segera itu dan datang ke hadapan takhta syurgawi di dalam doa meminta Roh Kudus.



Hari 2 – Tumpuan Doa - Sabtu, 28 Mac 2020

“Damai sejahtera Kutinggalkan bagimu. Damai sejahtera-Ku Kuberikan kepadamu, dan apa yang Kuberikan tidak seperti yang diberikan oleh dunia kepadamu. Janganlah gelisah dan gentar hatimu.” Yohanes 14:27

“Musuh itu tidak pernah dapat mengambil tangan orang Kristian yang hanya percaya dalam janjiNya.” *Review and Herald*, 3 Februari 1903

1. Doakan agar ketakutan digantikan dengan damai sejahtera dan supaya kita sebagai suatu umat akan berdiri teguh di tengah-tengah kekacauan dengan meyakini bahawa Allah sedang mengendalikan.
2. Doakan bagi mereka yang sedang bergelut dengan Coronavirus atau yang telah kehilangan orang yang dikasihi dalam wabak penyakit ini. Doakan bagi pengharapan dan penghiburan di tengah-tengah kesakitan.
3. Doakan bagi para anggota gereja di Kenya dan negara-negara Afrika lain yang sedang bergelut kerana pasar-pasar terbuka mereka sedang ditutup.
4. Doakan bagi para penginjil literatur, pengkhotbah, guru, pengerja Alkitab dan yang lain yang mungkin tidak dapat melakukan pelayanan muka dengan muka seperti sebelum ini. Doakan bagi hikmat dan idea daripada Tuhan untuk cara-cara baru melayani.

5. Doakan bagi gereja-gereja yang telah ditutup disebabkan virus ini. Doakan agar kongregasi akan menemui jalan untuk tetap “bersama” melalui siaran secara langsung melalui internet (internet live-streaming) dan bersaksi dalam cara “penjarakan sosial” yang sesuai.



Hari 3 – Tumpuan Doa - Ahad, 29 Mac 2020

“Selidikilah aku, ya Allah, dan kenallah hatiku, ujilah aku dan kenallah pikiran-pikiranku; lihatlah, apakah jalanku serong, dan tuntunlah aku di jalan yang kekal!” Mzm. 139:23, 24

“Tiada yang menakutkan Setan selain daripada umat Allah akan menyediakan jalan dengan menyingkirkan setiap halangan supaya Tuhan dapat mencurahkan RohNya ke atas suatu gereja yang lemah lembut.... Setiap godaan, seperti pengaruh yang bertentangan, samada terbuka atau terselindung, akan berjaya ditolak “bukan dengan keperkasaan dan bukan dengan kekuatan, melainkan dengan roh-Ku, firman TUHAN semesta alam” (Zakaria 4:6).

Selected Messages, jilid 1, ms. 124

1. Doakan agar kita dapat mengambil doa Daud dalam Mazmur 139 secara peribadi menanyakan Tuhan jika ada sesuatu yang menghalang di antara Dia dan kita. Jika Roh Kudus menyingkapkan sesuatu, berdoakan agar kita akan mengakuinya dan berbaik dengan Allah atau orang lain.
2. Berdoakan agar kita akan hidup dalam iman dan bukan ketakutan sementara apapun yang terjadi di sekeliling kita.
3. Berdoakan bagi kecukupan untuk mereka yang kehilangan pekerjaan, dibuang kerja atau tertanya-tanya dari mana datangnya makanan mereka seterusnya jika mereka tidak dapat pergi bekerja. Doakan agar Tuhan akan memelihara dan menyediakan keperluan sehari-harian untuk mereka sepertimana Dia berjanji untuk melakukannya dalam Yes. 33:16 and Flp. 4:19.
4. Berdoakan agar para anggota gereja sedunia akan mengerti bahawa Gereja Seventh-day Adventist adalah pergerakan nubuatan dengan satu perkhabaran nubuatan yang diamanahkan oleh syurga dengan satu misi nubuatan yang sangat istimewa dan sekarang adalah masa untuk bersinar bagi kemuliaan Allah.
5. Doakan agar semua pemimpin gereja dan anggotanya di manapun juga akan melihat hentian sejenak ini di dalam mesyuarat dan agenda sebagai satu peluang untuk memupuk satu perjalanan peribadi yang mendalam dengan Yesus.



Hari 4 – Tumpuan Doa - Isnin, 30 Mac 2020

“Engkau tak usah takut... terhadap penyakit sampar yang berjalan di dalam gelap, terhadap penyakit menular yang mengamuk di waktu petang. Walau seribu orang rebah di sisimu, dan sepuluh ribu di sebelah kananmu, tetapi itu tidak akan menimpamu.”

Mzm. 91:5-7

“Iman bertumbuh kuat dengan masuk ke dalam konflik disertai dengan keragu-raguan dan pengaruh-pengaruh yang bertentangan. Pengalaman itu diperolehi di dalam percobaan-percobaan ini jauh lebih berharga daripada permata-permata yang paling mahal.”

Testimonies, jilid 3, ms. 555

1. Berdoa agar Allah akan menggenapi janji-janji dalam Mazmur 91 dan meletakkan suatu pagar di sekeliling anak-anakNya dengan melindungi mereka daripada wabak virus corona menguasai dunia kita.
2. Doakan agar krisis dunia ini akan menjadi satu titik peralihan penting dalam sejarah gereja dan supaya mata orang ramai akan dibukakan kepada hampirnya kedatangan Yesus yang segera itu.
3. Berdoa bagi mereka yang tinggal di perumahan yang sempit di kota-kota besar agar mereka akan menemui cara yang kreatif untuk kekal sihat dan berhubungan dengan orang lain. Doakan khususnya bagi anak-anak yang terkurung di dalam rumah.
4. Doakan bagi hikmat untuk banyak keputusan yang dihadapi oleh kepimpinan gereja sedunia sekarang ini. Berdoa bagi hikmat daripada Tuhan sementara melalui masa-masa yang mencabar ini.
5. Berdoa bagi kerajaan kita dan para pemimpin dunia semasa waktu kesukaran ini. Doakan agar terdapat satu tindakan mencari Tuhan yang sungguh-sungguh di kalangan para pemimpin tertinggi dan pegawai kerajaan.



Hari 5 – Tumpuan Doa - Selasa, 31 Mac 2020

“Jadi jika kamu yang jahat tahu memberi pemberian yang baik kepada anak-anakmu, apalagi Bapamu yang di sorga! Ia akan memberikan Roh Kudus kepada mereka yang meminta kepada-Nya.” Lukas 11:13

“Turunnya Roh Kudus ke atas gereja itu dinanti-nantikan pada masa hadapan; tetapi ianya satu keistimewaan bagi gereja untuk memilikinya sekarang. Cari, berdoa, percaya baginya. Kita mesti memilikinya dan Syurga sedang menunggu untuk menganugerahkannya.”

The Review and Herald, 19 Mac 1895.

1. Berdoa bagi mereka yang baru sahaja dikesan dengan COVID-19. Doakan bagi hikmat untuk cara rawatan yang akan diambil.

2. Doakan bagi para anggota gereja Adventist terutama sekali dalam memperagakan amalan gaya hidup sihat dan cara-cara semulajadi untuk mempertingkatkan sistem daya tahan melawan penyakit seperti memakan banyak buah-buahan dan sayur-sayuran, mandi dengan air suam dan sejuk serta membuka tingkap-tingkap untuk menghirup udara segar.
3. Berdoa bagi kita sebagai satu gereja untuk mengetahui bagaimana menggunakan dan mengongsikan perkhabaran kesihatan kita dengan berkesan sebagai “tangan kanan Injil” dengan pendidikan kesihatan atas talian, video dan cara-cara penjangkauan kreatif yang lain.
4. Doakan agar daripada menggunakan masa terluang ini di rumah untuk menikmati hiburan sekular, kita akan menggunakan masa ini untuk mempelajari Firman Allah, berdoa, dan membaca buku-buku serta menonton video-video yang akan menumbuhkan iman kita.
5. Berdoa bagi gereja-gereja di seluruh dunia untuk mengembangkan rancangan bagi memelihara hubungan para anggota semasa waktu pengasingan ini.



Hari 6 – Tumpuan Doa - Rabu, 1 April 2020

“Tetapi aku berseru kepada Allah, dan TUHAN akan menyelamatkan aku. Di waktu petang, pagi dan tengah hari aku cemas dan menangis; dan Ia mendengar suaraku. Ia membebaskan aku dengan aman dari serangan terhadap aku, sebab berduyun-duyun mereka melawan aku.” Mzm. 55:17-19

“Apabila gereja disedarkan kepada panggilan kudusnya, lebih banyak doa sungguh-sungguh dan berkesan akan terangkat ke syurga kerana Roh Kudus menunjukkan pekerjaan dan tugas umat Allah berkenaan keselamatan jiwa-jiwa. Kita mempunyai satu janji yang dinantikan bahawa Tuhan akan mendekat kepada setiap jiwa yang mencari.” *1 Selected Messages*, ms. 116

1. Berdoa bagi datuk dan nenek, ibu bapa, orang tua kita untuk memiliki kekuatan dan kesihatan di tengah-tengah krisis sedunia ini.
2. Doakan bagi profesional kesihatan, doktor, jururawat dan yang lain yang sedang meneruskan pekerjaan sepanjang masa untuk memerhatikan kes-kes coronavirus yang semakin bertambah. Berdoa untuk kesihatan dan keselamatan peribadi mereka.
3. Berdoa agar Perkhabaran Tiga Malaikat akan bergerak ke hadapan lebih berkuasa di bahagian-bahagian dunia di mana acara-acara dan program-program penjangkauan besar telah dibatalkan supaya semua mata akan memandang ke arah syurga.
4. Doakan bagi inisiatif-inisiatif Misi ke Kota-Kota di banyak lokasi di seluruh Gereja Sedunia. Berdoa agar benih-benih yang telah ditabur akan menjadi buah yang sedia untuk dituai untuk kerajaan Allah sekarang ini.

5. Berdoa bagi hikmat, kesabaran dan belas kasihan dalam berhadapan semua perubahan yang kerap terjadi di dalam kehidupan sehari-harian supaya orang ramai dapat menghadapinya dan lebih daripada itu menjadi saksi-saksi yang setia kepada pimpinan Tuhan yang Maha Berkuasa di dalam kehidupan mereka.



Hari 7 – Tumpuan Doa - Khamis, 2 April 2020

“Berserulah kepada-Ku pada waktu kesesakan, Aku akan meluputkan engkau, dan engkau akan memuliakan Aku.” Mzm. 50:15

“Yakub menang kerana dia bertekun dan bertekad. Pengalamannya memberi kesaksian tentang kuasa doa yang sungguh-sungguh. Tiba masanya sekarang bahawa kita harus belajar dari pelajaran doa yang menang dari iman yang tidak pernah mundur. Kemenangan-kemenangan paling besar gereja Kristus atau individu Kristian adalah kemenangan-kemenangan yang tidak diperolehi dengan kebolehan atau pendidikan, dengan kemewahan atau kebaikan manusia. Ianya adalah kemenangan yang diperolehi di ruangan penonton bersama Tuhan dengan iman yang tekun daripada mereka yang menderita diletakkan pada tangan berkuasa yang kuat.”

Patriarchs and Prophets, p. 203

1. Berdoa agar kita akan terus memandang kepada Allah dalam iman serta menyerahkan Dia dengan ketidakpastian masa hadapan kita dan menyedari bahawa Dia sedang mengawal keadaan. Doakan agar kita akan mempercayai Firman Allah walaupun ketika kejadian dan peristiwa di sekeliling kita kelihatan gelap dan mengecewakan.
2. Doakan bagi hikmat untuk para pemimpin dan pentadbir gereja sementara mereka mengatur cabaran-cabaran logistik dalam penjadualan semula Persidangan General Conference yang akan berlangsung pada 20-25 Mei 2021 di Indianapolis.
3. Berdoa agar Persidangan General Conference 2021 akan dipenuhi dengan rancangan rohani berfokuskan misi dan supaya Roh Kudus akan mengawal sepenuhnya.
4. Doakan bagi tema Persidangan General Conference 2021: “Yesus Akan Datang Segera! Terlibatlah!” Berdoa agar para anggota di seluruh dunia akan mengambil secara peribadi panggilan ini untuk Penglibatan Penuh Anggota.
5. Berdoa bagi pencurahan besar Roh Kudus ke atas para anggota gereja Tuhan di seluruh dunia, di mana juga mereka berada supaya pekerjaan itu dapat diselesaikan dan kita boleh balik ke Rumah.

**Sumber Tambahan untuk Membina Walk anda dengan Tuhan dari
Ellen White, "The Last Crisis," Testimonies, vol. 9, ms 11-18
Bab 1-Krisis Terakhir**

Kita hidup pada masa akhir. Tanda-tanda zaman yang sangat cepat mengisahkan bahawa kedatangan Kristus sudah dekat. Hari-hari di mana kita hidup adalah penuh dan penting. Roh Tuhan secara beransur-ansur tetapi pasti ditarik dari bumi. Tenggelam dan penghakiman sudah jatuh ke atas penghinaan rahmat Tuhan. Bencana oleh darat dan laut, keadaan masyarakat yang tidak tersentuh, pengeledahan perang, sangat menonjol. Mereka meramalkan peristiwa mendekati magnitud yang paling besar. {9T 11.1}

Agensi kejahatan menggabungkan kekuatan dan penggabungan mereka. Mereka menguatkan krisis yang terakhir. Perubahan hebat tidak lama lagi akan berlaku di dunia kita, dan pergerakan akhir akan menjadi pesat. {9T 11.2}

Keadaan benda-benda di dunia menunjukkan bahawa masa-masa yang menyusahkan adalah tepat pada kita. Kertas harian penuh dengan tanda-tanda konflik yang dahsyat dalam masa terdekat. Perompakan yang berani sering berlaku. Pemogokan adalah perkara biasa. Pencurian dan pembunuhan dilakukan di setiap tangan. Lelaki yang dimiliki setan mengambil nyawa lelaki, wanita, dan anak kecil. Lelaki telah menjadi terkenal dengan nafsu, dan setiap spesies kejahatan bertahan. {9T 11.3}

Musuh telah berjaya menyimpang keadilan dan mengisi hati manusia dengan keinginan untuk keuntungan mementingkan diri sendiri. "Hukum telah terdesak kebelakang dan keadilan berdiri jauh-jauh, sebab kebenaran tersandung di tempat umum dan ketulusan ditolak orang." Yesaya 59:14. Di bandar-bandar besar terdapat banyak orang yang hidup dalam kemiskinan dan kesengsaraan, jauh dari makanan, tempat tinggal, dan pakaian; sementara di bandar-bandar yang sama adalah mereka yang memiliki kebendaan melebihi daripada hati, yang hidup mewah, menghabiskan wang mereka di rumah-rumah yang dilengkapi dengan mewah, pada perhiasan peribadi, atau lebih buruk lagi, atas kepuasan hawa nafsu sensual, atas minuman keras, tembakau, dan lain-lain yang merosakkan kuasa otak, tidak seimbang minda, dan merendahkan jiwa. Teriakan umat manusia yang kelaparan akan muncul di hadapan Tuhan, sementara oleh setiap spesies penindasan dan pemerasan lelaki menumpuk harta yang besar. {9T 11.4}

Pada satu ketika, ketika di New York City, saya berada di musim malam yang dipanggil untuk melihat bangunan-bangunan cerita yang meningkat selepas cerita ke arah surga. Bangunan-bangunan ini dibenarkan untuk tidak tahan api, dan mereka didirikan untuk memuliakan pemilik dan pembina mereka. Lebih tinggi dan masih tinggi bangunan-bangunan ini naik, dan di dalamnya bahan yang paling mahal digunakan. Orang-orang yang dimiliki bangunan-bangunan tersebut tidak bertanya kepada diri mereka sendiri: "Bagaimana kita dapat memuliakan Allah dengan lebih baik?" Tuhan tidak dalam pemikiran mereka. {9T 12.1}

Saya fikir: "Oh, bahawa orang-orang yang melabur cara mereka dapat melihat jalan mereka sebagaimana Tuhan melihatnya! Mereka membina bangunan-bangunan megah, tetapi betapa bodohnya di sisi Penguasa alam semesta adalah perancangan dan perancangan mereka. Mereka tidak belajar dengan semua kuasa hati dan fikiran bagaimana mereka boleh memuliakan Tuhan. Mereka telah kehilangan pandangan ini, tugas pertama manusia. " {9T 12.2}

Oleh kerana bangunan-bangunan tinggi ini naik, para pemiliknya bersukacita dengan kebanggaan yang mengagumkan bahawa mereka mempunyai wang untuk digunakan dalam memuaskan diri dan menimbulkan iri kepada jiran-jiran mereka. Kebanyakan wang yang mereka buat sedemikian telah diperoleh melalui pemerasan kepada golongan miskin. Mereka terlupa bahawa di surga ada akaun setiap transaksi perniagaan disimpan; setiap kes yang tidak adil, setiap perbuatan penipuan, ada yang direkodkan. Masa akan datang apabila orang-orang penipu dan pemeras akan mencapai titik yang Tuhan tidak akan membenarkan mereka lulus, dan mereka akan belajar bahawa ada batas ke kesabaran Yehuwa. {9T 12.3}

Tempat kejadian yang berlalu sebelum saya adalah penggera api. Lelaki melihat gedung-gedung bukti yang tinggi dan kononnya api dan berkata: "Mereka sangat selamat." Tetapi bangunan-bangunan ini dimakan seolah-olah terbuat dari padang. Enjin kebakaran tidak boleh melakukan apa-apa untuk menghancurkan kemusnahan. Para bomba tidak dapat mengendalikan enjin. {9T 13.1}

Saya diberitahu bahawa ketika masa Tuhan tiba, tidak ada perubahan yang telah berlaku di dalam hati manusia yang bangga, bercita-cita tinggi, manusia akan mendapati bahawa tangan yang kuat untuk menyelamatkan akan kuat untuk memusnahkan. Tiada kuasa

duniawi boleh menahan tangan Tuhan. Tidak ada bahan yang boleh digunakan dalam mendirikan bangunan yang akan memelihara mereka dari kehancuran ketika masa yang ditetapkan Tuhan datang untuk mengirim hukuman kepada manusia untuk mengabaikan hukum-Nya dan untuk cita-cita mereka yang mementingkan diri sendiri. {9T 13.2}

Tidak ramai, bahkan di kalangan pendidik dan negarawan, yang memahami sebab-sebab yang mendasari keadaan masyarakat sekarang. Mereka yang memegang tampuk pemerintahan tidak dapat menyelesaikan masalah korupsi moral, kemiskinan, penderaan, dan peningkatan jenayah. Mereka berjuang dengan sia-sia untuk meletakkan operasi perniagaan secara lebih selamat. Sekiranya manusia lebih memperhatikan pengajaran firman Tuhan, mereka akan mencari penyelesaian masalah yang membingungkan mereka. {9T 13.3}

Kitab Suci menerangkan keadaan dunia sebelum kedatangan kedua Kristus. Daripada orang-orang yang dengan rompakan dan pemerasan mengumpulkan kekayaan besar, ada tertulis: "Emas dan perakmu sudah berkarat, dan karatnya akan menjadi kesaksian terhadap kamu dan akan memakan dagingmu seperti api. Kamu telah mengumpulkan harta pada hari-hari yang sedang berakhir. Sesungguhnya telah terdengar teriakan besar, karena upah yang kamu tahan dari buruh yang telah menuai hasil ladangmu, dan telah sampai ke telinga Tuhan semesta alam keluhan mereka yang menyabit panenmu. Dalam kemewahan kamu telah hidup dan berfoya-foya di bumi, kamu telah memuaskan hatimu sama seperti pada hari penyembelihan. Kamu telah menghukum, bahkan membunuh orang yang benar dan ia tidak dapat melawan kamu." Yakobus 5: 3-6. {9T 13.4}

Tetapi siapa yang membaca amaran yang diberikan oleh tanda-tanda masa yang pantas dipenuhi? Kesan apa yang dibuat kepada penduduk bumi? Apa perubahan yang dilihat dalam sikap mereka? Tidak lebih dari yang dilihat dalam sikap penduduk dunia Noachian. Diserap dalam perniagaan dan kesenangan dunia, orang-orang antingiluvians "tidak tahu sampai Banjir itu datang, dan membawa mereka semua." Matius 24:39. Mereka mempunyai peringatan yang dihantar oleh syurga, tetapi mereka enggan mendengarkan. Dan hari ini dunia, tanpa menghiraukan suara peringatan Tuhan, sedang bergegas ke kehancuran kekal. {9T 14.1}

Dunia digerakkan dengan semangat peperangan. Nubuatan bab kesebelas Daniel telah hampir mencapai pemenuhannya yang lengkap. Tidak lama lagi, adegan-adegan masalah yang diucapkan dalam nubuatan akan berlaku. {9T 14.2}

"Lihat, Tuhan menjadikan bumi kosong, dan menjadikannya sia-sia, dan menjadikannya terbalik, dan menyerakkan penduduknya Karena mereka telah melanggar hukum, mengubah aturan itu, melanggar perjanjian kekal. Oleh itu, mempunyai sumpah memakan bumi, dan mereka yang tinggal di dalamnya menjadi sunyi sepi Keseronokan tabik tidak berhenti, bunyi orang yang bersukacita mengakhiri, kegembiraan kecapi berhenti. Yesaya 24: 1-8. {9T 14.3}

"Wahai hari itu! Sungguh hari Tuhan sudah dekat, datangnya sebagai pemusnahan dari Yang Mahakuasa... Bukankah di depan mata kita sudah lenyap makanan, sukaria dan sorak-sorai dari rumah Allah kita? Biji-bijian menjadi kering di dalam tanah, lumbung-lumbung sudah licin tandas, rengkiang-rengkiang sudah runtuh, sebab gandum sudah habis. Betapa mengeluhnya hewan dan gempar kawan-kawan lembu, sebab tidak ada lagi padang rumput baginya; juga kawan-kawan kambing domba terkejut." Joel 1: 15-18, 12. {9T 15.1}

"Aduh, dadaku, dadaku! Aku menggeliat sakit! Aduh, dinding jantungku! Jantungku berdebar-debar, aku tidak dapat berdiam diri, sebab aku mendengar bunyi sangkakala, pekik perang. Kehancuran demi kehancuran dikabarkan, seluruh negeri dirusakkan; kemahku dirusakkan dengan tiba-tiba, tendaku dalam sekejap mata." Yeremia 4:19, 20. {9T 15.2}

"Aku melihat kepada bumi, ternyata campur baur dan kosong. dan melihat kepada gunung-gunung, ternyata goncang; dan seluruh bukit pun goyah. Aku melihat, ternyata tidak ada manusia, dan semua burung di udara sudah lari terbang. Aku melihat, ternyata tanah subur sudah menjadi padang gurun, dan segala kotanya sudah runtuh di hadapan Tuhan, di hadapan murkaNya yang menyala-nyala!" Ayat 23-26. {9T 15.3}

"Hai, alangkah hebatnya hari itu, tidak ada taranya; itulah waktu kesusahan bagi Yakub, tetapi ia akan diselamatkan daripadanya." Yeremia 30: 7. {9T 15.4}

Tidak semua di dunia ini telah mengambil keputusan untuk bermusuhan dengan Allah. Tidak semua telah menjadi tidak setia. Terdapat beberapa setia yang benar kepada Tuhan; kerana John menulis: "yang penting di sini ialah ketekunan orang-orang kudus, yang menuruti perintah Allah dan iman kepada Yesus." Wahyu 14:12. Tidak lama lagi pertempuran akan digerakkan dengan garang antara mereka yang melayani Tuhan dan mereka yang tidak melayani Dia. Tidak lama lagi segala-galanya yang dapat digoncang akan terguncang, bahawa perkara-perkara yang tidak dapat digoncang mungkin kekal. {9T 15.5}

Syaitan adalah pelajar Alkitab yang rajin. Dia tahu bahawa waktunya adalah pendek, dan dia berusaha untuk mengatasi pekerjaan Tuhan di bumi ini. Tidak mungkin untuk memberi gambaran tentang pengalaman umat Tuhan yang akan hidup di bumi apabila kemuliaan langit dan pengulangan penganiayaan masa lampau dicampur. Mereka akan berjalan dalam proses cahaya dari takhta Tuhan. Dengan cara malaikat akan ada komunikasi yang tetap antara langit dan bumi. Dan Syaitan, yang dikelilingi oleh malaikat-malaikat jahat, dan mendakwa sebagai Tuhan, akan melakukan keajaiban segala jenis, untuk menipu, jika mungkin, umat pilihan. Orang-orang Tuhan tidak akan mencari keselamatan mereka dalam mengerjakan mukjizat, kerana Syaitan akan memalsukan mukjizat yang akan dilakukan. Orang-orang yang diuji dan diuji Tuhan akan mendapati kuasa mereka dalam tanda yang disebutkan dalam Keluaran 31: 12-18. Mereka harus berdiri di atas perkataan hidup: "Ada tertulis." Ini adalah satu-satunya asas di mana mereka boleh berdiri dengan selamat. Mereka yang melanggar perjanjian mereka dengan Tuhan akan pada hari itu tanpa Tuhan dan tanpa harapan. {9T 16.1}

Para penyembah Tuhan akan terutama dibezakan oleh pengertian mereka untuk perintah keempat, kerana ini adalah tanda kuasa kreatif Tuhan dan saksi kepada tuntutan-Nya atas penghormatan dan penghormatan manusia. Orang jahat akan dibezakan dengan usaha mereka untuk merobohkan peringatan Pencipta dan meninggikan institusi Rom. Dalam isu konflik semua orang Kristian akan dibahagikan kepada dua kelas besar, mereka yang memelihara perintah-perintah Tuhan dan iman kepada Yesus, dan mereka yang menyembah binatang dan gambarnya, dan menerima tanda. Walaupun gereja dan negara akan menyatukan kuasa mereka untuk memaksa semua, "baik kecil dan besar, kaya dan miskin, bebas dan ikatan," untuk menerima tanda binatang itu, namun umat Tuhan tidak akan menerimanya. Wahyu 13:16. Nabi Patmos melihat "mereka yang telah mendapat

kemenangan atas binatang itu, dan atas imejnya, dan atas tandanya, dan atas jumlah namanya, berdiri di atas laut kaca, yang memiliki kecapi Tuhan," dan menyanyi lagu Musa dan Anak Domba. Wahyu 15: 2. {9T 16.2}

Ujian dan ujian yang menakutkan menanti umat Tuhan. Semangat perang menggerakkan bangsa-bangsa dari satu ujung bumi ke tempat yang lain. Tetapi di tengah-tengah masa kesulitan yang akan datang, - masa kesulitan seperti yang belum sejak ada bangsa, - Orang-orang pilihan Allah akan berdiri tak tergoyahkan. Syaitan dan tuannya tidak dapat memusnahkan mereka, kerana malaikat yang cemerlang dalam kekuatan akan melindungi mereka. {9T 17.1}

Kata Tuhan kepada umatNya ialah: "Keluarlah dari tengah-tengah mereka, dan hendaklah kamu terpisah, ... dan janganlah kamu menyentuh perkara yang najis; dan Aku akan menerima kamu, dan akan menjadi Bapa kepadamu, dan kamu akan menjadi anak-anakku. " "Kamu adalah generasi pilihan, keimamatan diraja, bangsa kudus, orang-orang yang asing; supaya kamu memperlihatkan puji-pujian kepada Dia yang telah memanggil kamu dari kegelapan ke dalam cahaya-Nya yang luar biasa. " 2 Korintus 6:17, 18; 1 Petrus 2: 9. Orang-orang Tuhan harus dibezakan sebagai orang yang melayani Dia dengan sepenuh hati, dengan sepenuh hati, tidak menghormati diri mereka sendiri, dan mengingat bahawa dengan perjanjian yang paling berat mereka telah mengikat diri mereka untuk melayani Tuhan dan Dia sahaja. {9T 17.2}

"Berfirmanlah Tuhan kepada Musa: "Katakanlah kepada orang Israel, demikian: Akan tetapi hari-hari Sabat-Ku harus kamu pelihara, sebab itulah peringatan antara Aku dan kamu, turun-temurun, sehingga kamu mengetahui, bahwa Akulah Tuhan, yang menguduskan kamu. Haruslah kamu pelihara hari Sabat, sebab itulah hari kudus bagimu; siapa yang melanggar kekudusan hari Sabat itu, pastilah ia dihukum mati, sebab setiap orang yang melakukan pekerjaan pada hari itu, orang itu harus dilenyapkan dari antara bangsa-bangsanya. Enam hari lamanya boleh dilakukan pekerjaan, tetapi pada hari yang ketujuh haruslah ada Sabat, hari perhentian penuh, hari kudus bagi Tuhan: setiap orang yang melakukan pekerjaan pada hari Sabat, pastilah ia dihukum mati. Maka haruslah orang Israel memelihara hari Sabat, dengan merayakan sabat, turun-temurun, menjadi perjanjian kekal. Antara Aku dan orang Israel maka inilah suatu peringatan untuk selama-lamanya, sebab enam hari lamanya Tuhan

menjadikan langit dan bumi, dan pada hari yang ketujuh Ia berhenti bekerja untuk beristirahat. " Keluaran 31: 12-17. {9T 17.3}

Bukankah kata-kata ini menunjukkan kita sebagai orang-orang berdosa Tuhan? dan adakah mereka tidak menyatakan kepada kami bahawa selagi masa berlalu, kita harus menghargai perbezaan suci yang diletakkan pada kita? Anak-anak Israel harus mematuhi Sabat selama generasi mereka "untuk perjanjian kekal." Sabat telah kehilangan semua maknanya. Ia masih merupakan tanda antara Tuhan dan umat-Nya, dan ia akan menjadi selama-lamanya. {9T 18.1}

Diterjemah Oleh;

Pr Willter G Asin

Pr Malvin Gakim

Pr Ervin Gadaun